

Headline	UAIM nafi dakwaan amalkan riba		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Mar 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	17	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	155 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 620
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,860



UAIM nafi dakwaan amalkan riba

SHAH ALAM - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menafikan dakwaan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mengamalkan riba terhadap pengusaha perniagaan di universiti berkenaan.

Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UIAM, Profesor Dr Nik Ahmad Kamal Mahmud berkata, caj lewat bayar yang dikenakan kepada peniaga bukanlah riba dan sudah merujuk perkara itu terlebih dahulu kepada Jabatan Syariah universiti sebelum dilaksanakan.

Menurutnya, sejak tahun 2007 lagi, UAIM sudah mengenakan caj sedemikian yang mana ia adalah sebagai peringatan kepada peniaga agar

mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan di dalam kontrak.

"Kami hargai usaha PPIM untuk membantu peniaga yang merasakan diri teraniaya. Tetapi di dalam kes ini, tiada berlaku kes penganiayaan kerana semuanya sudah termaktub di dalam kontrak.

"Jika mereka merasakan UIAM menjalankan konsep riba, itu adalah salah. Caj begini sudah di amalkan di dalam perbankan Islam dan Muamalat.

"Ia tidak bertentangan dengan tuntutan di mana sebagai peniaga, mereka harus melunaskan sewa pada tarikh yang ditetapkan. Namun sekiranya mereka lewat, bermakna pihak universiti perlu

mengeluarkan surat dan jika tiada respons, perkara ini akan dirujuk kepada peguam.

"Apabila sudah dirujuk kepada peguam, kami akan dikenakan caj pula untuk bayaran kes tersebut. Jadi, seperti yang dinyatakan, caj itu sebagai peringatan sahaja," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Jelasnya lagi, pihaknya akan membuat usul baru di dalam mesyuarat akan datang untuk menyatakan kesediaan peniaga juga berhak mengenakan caj bayaran lewat dikenakan kepada pihak universiti sekiranya lewat membayar duit catering dan sebagainya.

"Ini sebagai jaminan dua pihak tidak mengalami sebarang masalah berbangkit. Ia

akan dibentangkan dalam mesyuarat akan datang," katanya.

Sebelum ini, satu pengusaha makanan di universiti berkenaan telah dihentikan perkhidmatannya apabila gagal melunaskan bayaran sewa.

"Kami telah memberi dua kali peluang kepada syarikat terbabit namun ia tidak dimanfaatkan dengan baik. Kerana itu ada perintah memohon mereka mengeluarkan semua barang mereka.

"Dalam masa sama, ada mahasiswa universiti ini belum lagi melunaskan bayaran perkhidmatan makanan mereka. Kami telah membuat perbincangan dengan syarikat terbabit untuk menjadi orang tengah agar hutang tersebut dilangsaikan segera," katanya.